

PM rasmi Hari Terbuka ATM
Utusan Online
06 April, 2013

KUANTAN 6 April - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak merasmikan Hari Terbuka Angkatan Tentera Malaysia (ATM) peringkat nasional di Pangkalan Udara Tentera Udara Diraja Malaysia Kuantan di sini hari ini.

Dalam ucapan beliau, Najib berkata, penganjuran program tersebut yang berlangsung serentak di 32 lokasi seluruh negara buat julung-julung kalinya merupakan satu langkah tepat bagi mengukuhkan hubungan antara rakyat dan tentera. - UTUSAN

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source : http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20130406/dn_19/PM-rasmi-Hari-Terbuka-ATM